

Tun Ghazali Shafie terharu

UM - 13/5/2007

KUALA TERENGGANU 12 Mei - Bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr. Muhammad Ghazali Shafie berkata, pembentukan perpaduan dan persefahaman antara kaum di negara ini memerlukan usaha yang berterusan bukan sahaja oleh pemimpin malah sokongan sepenuhnya daripada rakyat.

Beliau yang merupakan penerima anugerah Tokoh Penjana Perpaduan sempena sambutan Bulan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2007 berkata, walaupun perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini masih utuh, namun usaha untuk mengekalkannya lebih mencabar dan kompleks.

Beliau yang lebih dikenali sebagai 'King Ghaz' memberitahu, perpaduan merupakan faktor paling penting untuk menjamin kelangsungan sebuah negara merdeka dan ia perlu dikekalkan sampai bila-bila.

"Pada masa dulu usaha kerajaan mewujudkan perpaduan senang sedikit sebab rakyat negara ini masih sedikit tetapi sekarang amat kompleks kerana bilangan rakyat kian ramai dan meningkat.

"Rakyat pada masa kini lebih berpendidikan tinggi dan lebih terbuka, dan hal ini kadangkala menyebabkan mereka mula melihat perbezaan antara kaum, namun secara keseluruhannya perpaduan di negara ini masih kukuh," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis pelancaran Bulan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2007 di Dataran Batu Buruk di sini hari ini.